

CrowdPlus.asia sedia dana bantu maju PKS



Chua (dua dari kanan) bersama Teh (kanan), Chung (kiri) dan Dr Nik Ramlah **pada pelancaran CrowdPlus.asia** di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SALHANI IBRAHIM / BH]

» Platform ECF tawaran alternatif untuk syarikat pemula

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

CrowdPlus.asia, platform penajaan dana masyarakat berbentuk ekuiti (ECF) pertama ASEAN, menawarkan dana alternatif kepada syarikat pemula serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS)

untuk memula dan mengembangkan perniagaan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, berkata pengenalan platform ECF itu menunjukkan kebolehan pantas Malaysia dalam mengguna pakai trend ekonomi global terkini.

"Malaysia adalah negara pertama di rantau ASEAN yang mempunyai kerangka berlandaskan undang-undang bagi penajaan dana masyarakat untuk mengawal serta melindungi kepentingan pelabur dan syarikat.

"Penajaan dana masyarakat ini menawarkan pilihan berinovasi untuk mengumpul dana

bagi memula atau mengembangkan perniagaan," katanya selepas melancarkan CrowdPlus.asia di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi CrowdPlus.asia, Teh Kim Seng; Ketua Pegawai Operasi CrowdPlus.asia, Bryan Chung; dan Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Dr Nik Ramlah Mahmood.

Platform serantau

CrowdPlus.asia adalah platform serantau yang menggunakan kaedah pelaburan modal teroka untuk syarikat pemula dan PKS menjana dana daripada orang ramai yang kemudian akan memiliki ekuiti serta menjadi

sebahagian daripada perkembangan syarikat berkenaan.

Pelaburan daripada pelabur runcit bermula serendah RM500 hingga RM5,000 bagi setiap syarikat. Bagi individu yang mempunyai nilai tinggi, mereka boleh melabur tanpa had.

Apa yang perlu dilakukan adalah, syarikat berkenaan perlu menghantar permohonan dalam talian di www.crowdplus.asia dan kemudian melalui proses saringan.

Apabila diluluskan, syarikat pemula atau PKS akan boleh mula menjana dana sehingga RM3 juta dalam tempoh 12 bulan, diikuti RM2 juta seterusnya dengan menggunakan platform berkenaan.

Wujud nilai tinggi

Penajaan dana masyarakat tradisional itu disasarkan mencapai nilai AS\$30 bilion (RM131.19 bilion) di seluruh dunia tahun ini, dengan pasaran penajaan dana dijangka berkembang hingga AS\$90 bilion (RM393.58 bilion) menjelang 2025.

Sementara itu, Kim Seng, berkata platform itu ditubuhkan dengan tujuan untuk mewujudkan nilai tinggi untuk syarikat dan pelabur.

Katanya, platform itu akan hanya menyenaraikan syarikat berkualiti yang dipilih melalui proses saringan menggunakan pengalaman modal teroka yang berjaya agar dapat memberikan manfaat kepada pelabur.

"Ini akan mewujudkan hubungan menang-menang apabila sesuatu syarikat pemula atau PKS memperoleh dana diperlukan dan pada masa sama pelabur berpeluang meraih pulangan menarik daripada syarikat terbabit," katanya.

Antara ciri unik CrowdPlus.asia ialah ia mempunyai satu kumpulan pelabur utama dan mentor yang digelar Pelabur Berkelayakan Sepadan (Qualified Matching Investor-QMI).